

Handungan

LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN 2025

Notis Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-45

Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-45

Maklumat Koperasi

Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-44

Cadangan Pembayaran Dividen Tahun 2025

Laporan Anggota Lembaga Koperasi

Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman



KOPERASI KOGUMA BERHAD

Bil Kami : KOGUMA-100-7/02(AGM-45)

Tarikh : 20 Mei 2026

Anggota Perwakilan
Koperasi KOGUMA Berhad

Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-45 TAHUN 2026 KOPERASI KOGUMA BERHAD

Dengan ini dimaklumkan bahawa **Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-45 Tahun 2026** Koperasi KOGUMA Berhad akan diadakan seperti maklumat berikut :

Tarikh : 20 Jun 2026
Hari : Sabtu
**Tempat : Secara dalam talian
Google Meet**
Pendaftaran : 9.00 pagi

ATURCARA MAJLIS

09.00 pagi : Pendaftaran anggota perwakilan
10.00 pagi : Ucapan aluan Pengerusi Majlis
: Bacaan Doa
: Ucapan oleh Tuan Haji Nor Adzmi bin Baba, AMN
Pengerusi
Koperasi KOGUMA Berhad
: Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-45
dimulakan

AGENDA MESYUARAT

- 1) **Pemilihan Pengerusi Mesyuarat Agung**
- 2) **Pencatat Minit**
- 3) **Jurukira Undi**

AGENDA 1

MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE- 44 PADA 14 JUN 2025

AGENDA 2

MENIMBANG LAPORAN-LAPORAN LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

AGENDA 3

MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN-AKAUN TERAUDIT KOPERASI BERSAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT

AGENDA 4

MEMILIH ANGGOTA LEMBAGA

AGENDA 5

MENIMBANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN TAHUN 2027

AGENDA 6

MELULUSKAN ELAUN-ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA

AGENDA 7

MELULUSKAN PELANTIKAN SATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK KURANG DARIPADA DUA (2) FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI.

AGENDA 8

MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN DARIPADA WANG BERLEBIHAN KOPERASI

AGENDA 9

MENETAPKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN

AGENDA 10

MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ORANG ANGGOTA DAN EMPAT (4) ANGGOTA LEMBAGA UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

AGENDA 11
MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA USUL ATAU URUSAN LAIN KOPERASI YANG SUATU NOTIS TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI TELAH DIBERIKAN

AGENDA 12
MENIMBANG DAN MELULUSKAN CADANGAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL DAN ATURAN KOPERASI (Contoh)

AGENDA 13
MENDENGAR DAN MEMUTUSKAN APA-APA ADUAN YANG SUATU NOTIS TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI TELAH DIBERIKAN KEPADA KOPERASI YANG DIKEMUKAKAN OLEH ANGGOTA YANG TERKILAN DENGAN SESUATU KEPUTUSAN LEMBAGA

AGENDA 14
MELULUSKAN APA-APA PERBELANJAAN KEPADA JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

AGENDA 15
MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA LAPORAN YANG HENDAK DIKEMUKAKAN MENURUT KEHENDAK AKTA DAN PERATURAN

Yang menjalankan tugas,



Haji Rusli bin Sulaiman
Setiausaha
KOPERASI KOGUMA BERHAD

MAKLUMAT KOPERASI

KOPERASI KOGUMA BERHAD

Ditubuhkan pada 4 Januari 1980.

Bil. Daftar Koop. Peringkat Negara No. 35.

Bil. Koop. IP. 5294/1.

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI KOGUMA BERHAD 2025/2026



PENGERUSI
Tuan Haji Nor Adzmi
bin Baba, AMN



SETIAUSAHA
Tuan Haji Rusli bin
Sulaiman



BENDAHARI
Encik Md Nasir bin
Omar



ANGGOTA LEMBAGA
Encik Musa bin Jaafar



ANGGOTA LEMBAGA
Encik All Johari bin
Ibrahim, PKC



ANGGOTA LEMBAGA
Encik Shahidan bin
Haji Said



ANGGOTA LEMBAGA
Encik Razaini bin Awang



ANGGOTA LEMBAGA
Encik Mohd Azizi bin
Mohd Basri, AMP



ANGGOTA LEMBAGA
Encik Aziz bin Hashim

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN 2025/2026



PENGERUSI
Encik Muhamad Fuad bin Omar



JAWATANKUASA
Encik Wan A'mran bin Wan Mohamed



SETIAUSAHA
Encik Saiful Afandy bin Suratman



JAWATANKUASA
Encik Razhari bin Ishak

JURUAUDIT LUAR

HISHAM & CO.

12 First Floor (Room A)

43200 Cheras, Selangor.

BANK

CIMB BANK BERHAD

Ground Floor, Bgn. Commerce Life

338 Jalan Tuanku Abdul Rahman

50100 Kuala Lumpur.

BANK RAKYAT

Tingkat Bawah, Blok B

KIP Corporate Tower

Jalan Kuching

68100 Selayang, Kuala Lumpur.

LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN 2025

*Minit
Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan
14 Jun 2025*

**MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN
KOPERASI KOGUMA BERHAD
KALI KE- 44 TAHUN 2025**

TARIKH : 14 Jun 2025
HARI : Sabtu
MASA : 10:30 pagi
TEMPAT : IDEAS KUALA LUMPUR
12, Jalan Raja Laut, Chow Kit
50350 Kuala Lumpur
KEHADIRAN : 63 / 70 orang

SENARAI KEHADIRAN

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

1. TUAN HAJI NOR ADZMI BIN BABA, *AMN* (G006460)
2. TUAN HAJI RUSLI BIN SULAIMAN (G003695)
3. ENCIK ALL JOHARI BIN IBRAHIM, *PKC* (G008860)
4. ENCIK MUSA BIN JAAFAR (G002203)
5. ENCIK MD NASIR BIN OMAR (G008922)
6. ENCIK SHAHIDAN BIN HAJI SAID (G009023)
7. ENCIK RAZAINI BIN AWANG (K001440)
8. ENCIK MOHD AZIZI BIN MOHD BASRI, *AMP* (K002824)
9. ENCIK WAN A'MRAN BIN WAN MOHAMED (K001222)

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

1. ENCIK AZIZ BIN HASHIM (K002790)
2. TUAN HAJI ZULKIFLI BIN OTHMAN (G007067)
3. ENCIK MUHAMAD FUAD BIN OMAR (G008759)
4. ENCIK BADARUL HISHAM BIN SHAHUDIN, *AMP* (G005002)

PERWAKILAN

PERAK

1. ENCIK RAZHARI BIN ISHAK (G008816)

KELANTAN DAN TERENGGANU

1. ENCIK KHAIRIL ANUAR BIN KHALID (G009154)
2. ENCIK MOHD ASRI BIN MAT NOR (K001355)
3. ENCIK ISMAIL BIN IBRAHIM (K001852)

PAHANG

1. ENCIK HASNUL HADI BIN ZAINAL ABIDIN (K002767)
2. PUAN ROZITA BINTI ISMAIL (K002915)

MELAKA

1. PUAN SALOMI BINTI NAIM (K000152)
2. ENCIK MOHD KHAIRI BIN MOHD ZIN (K001444)

JOHOR

1. PUAN NOR AZIZAN BINTI SULAIMAN (G002177)
2. ENCIK SHAH ISHKANDAR BIN MUSA (K002579)
3. ENCIK SHAH MUDZAFFAR BIN MUSA (K002656)
4. PUAN SITI ZUBAIDAH BINTI MUSA (K002707)
5. PUAN NOR ASMA' BINTI ZAINAL (K002896)

KEDAH, PULAU PINANG DAN PERLIS

1. ENCIK MOHD NASIR BIN MAT (G005687)
2. ENCIK KU AMMAR BIN KU ISMAIL (K000137)
3. ENCIK JUNAIDI BIN AZIZ (K000162)
4. PUAN ROSADAH BINTI HASHIM (K002360)
5. ENCIK RUSLI BIN IBRAHIM (K002362)
6. PUAN RATNA SOPINAZ BINTI BAHARUDIN (K002907)

SELANGOR

1. PUAN SITI HAMIDAH BINTI ABDUL WAHID (G008530)
2. PUAN HAZILAH BINTI MAT JUNUS (G008923)
3. PUAN SENTAMIL SELVI A/P SUBRAMANIAM (G008995)
4. ENCIK SELVATHURAI A/L KASAVEN (G009579)
5. ENCIK MOHD HANAFI BIN SALAM (K000816)
6. ENCIK MOHD SHUKRY BIN ABDUL RAHMAN (K000356)

7. PUAN NURULASHIKIN BINTI MOHD ZAIN (K000357)
8. ENCIK WAN ABDUL BASHIR BIN WAN PUTEH (K000766)
9. PUAN AZLINDA BINTI AHMAD (K001977)
10. PUAN SITI MASILAH BINTI RAKMAD (K002225)
11. ENCIK SANGAR A/L RAMALINGAM (K002733)
12. ENCIK NORAJMALI RIDZUWAN BIN ISMAIL (K002765)
13. PUAN RUHAYA BINTI SHARIF (K002908)
14. ENCIK ABDUL HALIM BIN WAN HASSAN (K002931)
15. ENCIK MUHAMAD FAIRUS BIN ISMAIL (K002932)

WILAYAH PERSEKUTUAN

1. PUAN WAN ZAINAB BINTI WAN YAHYA (G007855)
2. PUAN NORHEDA BINTI ISMAIL (G009128)
3. ENCIK MOHD AZMI BIN MOHD DAUD (K000084)
4. PUAN SURAYA BINTI MOHAMAD DIN (K002712)
5. PUAN NOOR SHEILLA BINTI ZAINAL (K002722)
6. PUAN MAZIAH BINTI BAHAROM (K002723)
7. PUAN RAHIMAH BINTI AB RASHID (K002724)
8. ENCIK MOHD SABRE BIN ABU BAKAR (K002788)
9. ENCIK MAZLAN BIN HASAN (K002789)
10. ENCIK SAIFUL AFANDY BIN SURATMAN (K002813)
11. TUAN HAJI WAN AMIRUDDIN BIN WAN ISMAIL (K002817)
12. PUAN NOORAISHAH BINTI ABU BAKAR (K002904)
13. PUAN JUNAIDAH BINTI OTHMAN (K002909)
14. ENCIK MOHD RIZAL ANAZ BIN ABU BAKAR (K002916)
15. PUAN NURLIZA BINTI MOHD KHALIL (K002917)
16. ENCIK MUHAMAD ALME ISKANDAR
BIN SAMSUDIN (K002929)
17. ENCIK HEDZIR BIN MOHD ALI (K002943)

1.0 Pengacara Majlis

Encik Shahidan bin Haji Said (G009023), Anggota Lembaga Koperasi KOGUMA.

1.1 Ucapan Alu-Aluan Pengacara Majlis

Encik Shahidan bin Haji Said (G009023), mengucapkan salam dan selamat bersidang kepada Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan para perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad Kali Ke - 44 yang diadakan secara bersemuka. Beliau mengalu-alukan kehadiran Yang Berusaha Puan Hajah Sharifah Aminah binti Syed Mohssain, Pengerusi Angkatan Wilayah Persekutuan untuk merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad pada kali ini. Beliau juga berharap Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad dapat dijalankan dengan teratur dan lancar mengikut tatacara mesyuarat.

2.0 Bacaan Doa

Bacaan doa dipimpin oleh Encik Razaini bin Awang (K001440), Anggota Lembaga Koperasi KOGUMA Berhad.

3.0 Perutusan Pengerusi Koperasi KOGUMA Berhad

3.1 Tuan Haji Nor Adzmi bin Baba, (G006460), Pengerusi Koperasi KOGUMA Berhad mengucapkan salam dan terima kasih atas kehadiran Yang Berusaha Puan Hajah Sharifah Aminah binti Syed Mohssain, Pengerusi Angkatan Wilayah Persekutuan, Tuan Haji Rusli bin Sulaiman, Setiausaha Koperasi, Encik All Johari bin Ibrahim, Bendahari Koperasi, Puan Hajah Saiyah binti Jaafar, Pengurus Koperasi, Ahli Lembaga Koperasi, Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi, Pengerusi Negeri Koperasi, para perwakilan koperasi, staf-staf koperasi dan para jemputan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad kali Ke-44 secara bersemuka. Beliau memimpin bacaan Ummul Kitab Al-Fatihah bersama-sama dengan para hadirin untuk dihadiahkan kepada Allahyarham Tuan Haji Zulkifli bin Jamaludin, mantan Pengerusi Koperasi KOGUMA Berhad.

3.2 Pengerusi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan yang jitu serta tidak berbelah bahagi di samping menjadi tunjang kepada kejayaan dan kemajuan Koperasi KOGUMA Berhad sepanjang tahun 2024/2025.

3.3 Pengerusi juga menyampaikan perkongsian berhubung dengan hasil pencapaian Koperasi KOGUMA Berhad yang membanggakan sepanjang tahun 2024/2025, antaranya:

- a. Koperasi KOGUMA Berhad telah mendapat pengiktirafan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dengan berada pada kedudukan 50 daripada 350 koperasi terbaik di Malaysia daripada jumlah keseluruhan 16,000 koperasi yang berdaftar di seluruh negara pada Mac 2025;

- b. Penetapan hala tuju yang melibatkan beberapa perubahan dari segi pengurusan di samping penambahbaikan ke arah pemantapan koperasi yang dinyatakan secara terperinci melalui Perancangan Strategik Organisasi (PSO);
 - c. Pelbagai fungsi dan pendekatan telah digarap sebagai langkah untuk meneruskan kemajuan Koperasi KOGUMA Berhad pada masa hadapan;
 - d. Penubuhan Unit KOGUMA Niaga adalah langkah untuk melibatkan aktiviti perniagaan secara lebih agresif dengan menyelaraskan program perniagaan antara Koperasi KOGUMA Berhad bersama-sama agensi dan syarikat yang terpilih menjadi rakan strategik bagi menjanjikan pulangan yang menjana pendapatan koperasi;
 - e. Lebih 20 buah agensi dan syarikat telah hadir mengemukakan proposal untuk menyertai perniagaan dengan Unit KOGUMA Niaga yang diuruskan oleh Encik All Johari bin Ibrahim, Bendahari Koperasi KOGUMA Berhad dibantu oleh Encik Md Nasir bin Omar, ALK KOGUMA Berhad. Antara agensi-agensi dan syarikat-syarikat yang dipilih adalah:
 - Gading Kencana Sdn Bhd
 - LG Electronics (M) Sdn Bhd
 - Waix Technologies Sdn Bhd
 - HES Global Solutions
 - Xero 2 Hero Empire
 - Bluefrog Resources
 - Commbax Sdn. Bhd
 - Hoco Malaysia
 - LMK Motor Bikers Sdn. Bhd
 - Enak Rasa Catering & Event
 - f. Selain Ar-Rahnu, Koperasi KOGUMA Berhad juga bekerjasama dengan syarikat pinjaman barangan kemas dengan mencatat keuntungan dan meningkatkan bilangan keanggotaan. Oleh itu, Unit KOGUMA Niaga akan mengadakan Majlis Menandatangani Usahasama Rakan Niaga dengan 10 agensi dan syarikat yang telah diterima sebagai Rakan Niaga pada 15 Jun 2025 di IDEAS KUALA LUMPUR. Majlis akan dirasmikan oleh Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Haji Abdul Fattah bin Haji Abdullah, Presiden Angkasa.
- 3.4 Pengerusi juga menyatakan cabaran pada masa akan datang mengenai mengenai kos operasi yang meningkat dan persaingan dalam perkhidmatan kredit mikro. Langkah-langkah untuk menghadapinya adalah :
- a. Kawalan kos melalui penstrukturan semula operasi pinjaman dan pembiayaan;
 - b. Peningkatkan literasi kewangan kepada ALK melalui ceramah dan bengkel oleh pihak Angkasa serta SKM; dan

- c. Perluasan rangkaian perniagaan dengan kerjasama strategik beberapa cawangan ST Rosyam Mart, Mesra Petronas dan Kopi SAIGON untuk membekalkan produk Arwaa Food.

3.5 Pengerusi turut memaklumkan perancangan masa hadapan iaitu :

- a. Digitalisasi – membangunkan platform dalam talian bagi memudahkan transaksi anggota;
- b. Penambahbaikan perkhidmatan pembiayaan – memperkenalkan Skim Pembiayaan Mesra Anggota tanpa faedah tinggi; dan
- c. Latihan dan pembangunan kapasiti – meningkatkan kemahiran ALK menerusi kursus dan latihan.

3.6 Pengerusi memberikan penghargaan kepada :

- a. ALK yang komited dengan memberikan sumbangan idea;
- b. Kenaikan gaji untuk staf dan kakitangan Koperasi KOGUMA Berhad selaras dengan pengumuman kerajaan;
- c. Pihak pengurusan dan kakitangan yang bekerjasama bagi memastikan kelancaran operasi; dan
- d. Rakan strategik dan pihak bank terutamanya Bank Rakyat, CIMB dan Co-opbank Pertama atas komitmen dan kerjasama yang erat.

3.7 Perutusan Pengerusi Koperasi KOGUMA Berhad diakhiri dengan :

- a. Menyatakan bahawa beliau berkeyakinan dengan semangat kebersamaan dan sokongan padu anggota agar Koperasi KOGUMA Berhad akan terus maju di samping memberikan manfaat jangka panjang kepada semua; dan
- b. Menyeru semua anggota supaya terus bersama-sama menyokong visi dan misi demi kemajuan koperasi.

4.0 Ucapan Perasmian

4.1 Yang Berusaha Puan Hajah Sharifah Aminah binti Syed Mohssain, Pengerusi Angkatan Wilayah Persekutuan mengucapkan salam dan merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih atas jemputan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA pada kali ini.

4.2 Beliau menyatakan bahawa kehadiran perwakilan dari pelbagai zon seluruh Malaysia memberikan komitmen dan sokongan padu dalam memperkasa koperasi di landasan yang lebih maju dan inklusif.

4.3 Beliau menyatakan bahawa koperasi adalah wadah pemilikan bersama, tempat kita bergabung tenaga, idea dan modal untuk memperkukuh

kesejahteraan anggota serta masyarakat sekeliling. Ia bukan sahaja bertujuan menjana keuntungan tetapi menyumbang kepada keperluan sosio ekonomi secara beretika dan inklusif.

- 4.4 Beliau menyatakan bahawa di bawah bimbingan dan bantuan ANGKASA Wilayah Persekutuan, Koperasi KOGUMA Berhad telah diberi peluang untuk memperluaskan jaringan dan menembusi pelbagai sektor melalui pembiayaan anggota, skim kebajikan, program keusahawanan, hingga inisiatif sosial seperti bantuan kebajikan dan pembangunan modal insan sejajar dengan usaha memperkasakan Malaysia Madani melalui kerjasama koperasi.
- 4.5 Beliau juga berharap mesyuarat agung pada hari ini akan meluluskan belanjawan, laporan tahunan dan memantapkan perancangan strategik yang telah digarap berdasarkan hala tuju tahun hadapan dan tahun mendatang termasuk usaha peningkatan simpanan, manfaat anggota, pemeraksanaan digital di samping kerjasama berimpak tinggi bersama-sama Angkasa, SKM, IKMa dan semua agensi yang berkaitan.
- 4.6 Beliau menyatakan bahawa Angkasa sentiasa inklusif dalam menyediakan sokongan menerusi program inkubator perniagaan, kerjasama koperasi kepada koperasi (C2C), digitalisasi melalui latihan dan pendedahan yang disediakan. Manfaat ini perlu diterjemahkan dalam pelaksanaan di akar umbi supaya setiap anggota Koperasi KOGUMA Berhad merasai perubahan dan peningkatan dari segi ekonomi dan kesejahteraan.
- 4.7 Beliau turut menyeru agar semua anggota mesyuarat bersifat kritis dan konstruktif sepanjang sesi mesyuarat kali ini. Beliau menyarankan supaya anggota mesyuarat menggunakan ruang ini untuk memberikan maklum balas, cadangan dan pandangan demi terus meningkatkan keberkesanan koperasi dalam memacu kerjasama strategik pada masa akan datang.
- 4.8 Seterusnya beliau mengajak para perwakilan untuk lebih amanah dan bertanggungjawab secara kolaboratif, bersatu hati serta bersedia menerima cabaran ekonomi semasa. Dengan keazaman dan kerjasama, beliau yakin Koperasi KOGUMA Berhad boleh mencipta kejayaan dan memberi impak positif kepada ahli, masyarakat dan negara
- 4.9 Beliau juga mengharapkan para perwakilan membuat pilihan yang terbaik dalam pemilihan ALK yang baharu, demi kemajuan Koperasi KOGUMA Berhad.
- 4.10 Yang Berusaha Puan Hajah Sharifah Aminah binti Syed Mohssain, Pengerusi Angkasa Wilayah Persekutuan merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad Kali Ke-44 Tahun 2025.

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPERASI KOGUMA BERHAD KALI KE-44 TAHUN 2025 DIMULAKAN

AGENDA 1:

MELANTIK Pengerusi Mesyuarat

- 1.1 Encik Shahidan bin Haji Said (G009023) membuka cadangan kepada para perwakilan bagi pemilihan Pengerusi Mesyuarat.

Keputusan:

Encik Muhamad Fuad bin Omar (G008759) telah dipilih sebulat suara bagi mempengerusikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad Kali Ke-44 Tahun 2025.

Pencadang : Encik Razhari bin Ishak (G008816)
Penyokong : Tuan Haji Zulkifli bin Othman (G007067)

- 1.2 Beliau memulakan mesyuarat dengan ucapan salam dan memohon semua perwakilan memberikan tumpuan, komitmen dan kerjasama supaya mesyuarat dapat dijalankan dengan lancar dan sempurna. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada pengurusan koperasi merangkap jawatankuasa teknikal yang bertungkus lumus demi menjayakan dan melicinkan perjalanan mesyuarat pada kali ini.
- 1.3 Pengerusi Mesyuarat mengumumkan bahawa kehadiran perwakilan pada mesyuarat agung adalah seramai 63 / 70 orang dan jumlah ini melebihi dua pertiga (2/3) yang diperlukan bagi membolehkan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad Kali Ke-44 ini diadakan.
- 1.4 Beliau memaklumkan bahawa agenda dan perbincangan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad Kali Ke-44 dengan merujuk kepada Buku Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2024 yang telah diedarkan kepada para perwakilan secara dalam talian.

AGENDA 2:

MEMILIH ENAM (6) ORANG ANGGOTA PERWAKILAN DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI KOGUMA BERHAD UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPERASI KOGUMA BERHAD KALI KE-44

2.1 Enam (6) orang anggota perwakilan yang telah dicadang dan dipilih adalah seperti berikut:

BIL	NAMA ANGGOTA	NO. ANGGOTA
1	Encik Mohd Hanafi bin Salam	K000816
2	Puan Nor Asma' binti Zainal	K002896
3	Encik Razhari bin Ishak	G008816
4	Encik Ismail bin Ibrahim	K001852
5	Encik Saiful Afandy bin Suratman	K002813
6	Encik Muhamad Fairus bin Ismail	K002932

2.2 Empat (4) orang yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi KOGUMA Berhad bagi penentusah draf minit mesyuarat yang telah diputuskan oleh ALK 2025 adalah seperti berikut:

BIL	NAMA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI	NO. ANGGOTA
1	Tuan Haji Nor Adzmi bin Baba, <i>AMN</i>	G006460
2	Tuan Haji Rusli bin Sulaiman	G003695
3	Encik Shahidan bin Said	G009023
4	Encik Aziz bin Hashim	K002790

AGENDA 3:

MEMILIH DAN MELANTIK DUA (2) ORANG PENGESAH UNDIAN

3.1 Mesyuarat memutuskan pelantikan pengesah kertas undian adalah seperti berikut:

BIL	NAMA ANGGOTA	NO. ANGGOTA
1	Tuan Haji Rusli bin Sulaiman	G003695
2	Encik Mohd Rizal Anaz bin Abu Bakar	K002916

AGENDA 4:

MENERIMA DAN MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPERASI KOGUMA BERHAD KALI KE-43 PADA 29 JUN 2024

- 4.1 Tuan Haji Rusli bin Sulaiman (G003695), Setiausaha Koperasi KOGUMA Berhad telah membentangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad Kali Ke-43 pada 29 Jun 2024.
- 4.2 Beliau membentangkan minit mesyuarat tersebut dalam Buku Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2024 yang telah die-melkan kepada para perwakilan dari muka surat 7 hingga 22 untuk diterima.
- 4.3 Encik Mohd Hanafi bin Salam (K000816) mencadangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad Kali Ke-43 pada 29 Jun 2024 diterima dan disokong oleh Puan Junaidah Binti Othman (K002909).

AGENDA 5:

MEMILIH TIGA (3) ORANG ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI KOGUMA TAHUN 2025/2028 UNTUK MENGISI JAWATAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI KOGUMA YANG TELAH CUKUP TEMPOH PERKHIDMATANNYA

- 5.1 Empat (4) orang anggota koperasi layak bertanding adalah seperti berikut:

BIL	NAMA ANGGOTA	NO. ANGGOTA
1	Tuan Haji Nor Adzmi Bin Baba, AMN	G006460
2	Encik Shahidan Bin Haji Said	G009023
3	Encik Wan A'mran Bin Wan Mohamed	K001222
4	Encik Aziz bin Hashim	K002790

- 5.2 Pengundian dijalankan secara dalam talian.

AGENDA 6:

- a. **LAPORAN TAHUNAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**
- b. **LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAM**

- 6.1 Setiausaha Koperasi KOGUMA Berhad, Tuan Haji Rusli bin Sulaiman (G003695) membentangkan Laporan Tahunan Anggota Lembaga Koperasi KOGUMA Tahun 2024 dari muka surat 25 hingga 45 dalam Buku Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2024 yang telah diedarkan kepada para perwakilan untuk diterima.
- 6.2 Bendahari Koperasi KOGUMA Berhad, Encik All Johari bin Ibrahim (G008860) membentangkan Laporan Jawatankuasa Audit Dalam Tahun 2024 pada muka surat 47 dalam Buku Laporan Tahunan dan

Penyata Kewangan Tahun 2024 yang telah diedarkan kepada para perwakilan untuk diterima.

- 6.3 Puan Nor Azizan binti Sulaiman (G002177) mencadangkan Laporan Tahunan Anggota Lembaga Koperasi KOGUMA Berhad dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Tahun 2024 diterima serta disokong oleh Encik Mohd Sabre bin Abu Bakar (K002788).

AGENDA 7:

MEMBENTANG LAPORAN KEWANGAN TAHUN 2024

- a. **MEMBENTANG DAN MENERIMA PENYATA KEWANGAN BERAUDIT BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**
- b. **LAPORAN JURUAUDIT LUAR**
- c. **PANDANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA MENGENAI AKAUN KEWANGAN TAHUN 2024**

- 7.1 Bendahari Koperasi KOGUMA Berhad, Encik All Johari bin Ibrahim (G008860), membentangkan Penyata Kewangan Beraudit berakhir pada 31 Disember 2024 dan Laporan Juruaudit Luar dari muka surat 9 hingga 35 dalam Buku Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2024 yang telah die-melkan kepada para perwakilan untuk diterima. Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Mengenai Akaun Kewangan Tahun 2024 hanya dinyatakan secara keseluruhan dan disahkan untuk diterima.
- 7.2 Puan Nor Azizan binti Sulaiman (G002177) mencadangkan Penyata Kewangan Beraudit berakhir pada 31 Disember 2024 dan Laporan Juruaudit Luar serta pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengenai Akaun Kewangan Tahun 2024 diterima dan disokong oleh Encik Mohd Sabre bin Abu Bakar (K002788).

AGENDA 8:

MENIMBANG DAN MELULUSKAN ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2026

- 8.1 Encik All Johari bin Ibrahim (G008860), Bendahari Koperasi KOGUMA Berhad membentangkan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2026 di dalam Buku Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2024 yang telah diedarkan kepada para perwakilan untuk diterima.
- 8.2 Encik Norajmali Ridzuwan bin Ismail (K002765) mencadangkan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2026 diterima dan disahkan serta disokong oleh Encik Saiful Afandy bin Suratman (K002813).

AGENDA 9:

MELULUSKAN CADANGAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

- a. **PEMBAHAGIAN DIVIDEN ATAS SYER – 1.25%**
- b. **PEMBAHAGIAN DIVIDEN ATAS YURAN – 0.33%**

9.1 Encik All Johari bin Ibrahim (G008860), Bendahari Koperasi KOGUMA Berhad menerangkan keputusan untuk mencadangkan pembahagian dividen atas syer sebanyak 1.25% dan pembahagian dividen atas yuran sebanyak 0.33% untuk diterima.

9.2 Puan Nor Azizan binti Sulaiman (G002177) mencadangkan Agenda 9: Meluluskan Cadangan Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024 iaitu pembahagian dividen atas syer dan pembahagian dividen atas yuran diterima dan disokong oleh Encik Wan Abdul Bashir bin Wan Puteh (K000766).

AGENDA 10:

- a. **MEMBERI KUASA KEPADA JAWATANKUASA PENGURUSAN UNTUK PINJAMAN LUAR TIDAK LEBIH DARIPADA RM10,000,000.00 DENGAN FAEDAH TIDAK MELEBIHI DARIPADA FAEDAH PASARAN.**
- b. **MEMBERI KUASA KEPADA JAWATANKUASA PENGURUSAN UNTUK MELABUR TIDAK LEBIH DARIPADA RM10,000,000.00.**

10.1 Encik All Johari bin Ibrahim(G008860), Bendahari Koperasi KOGUMA Berhad mencadangkan agar Perkara (a) Memberi Kuasa Kepada Jawatankuasa Pengurusan Untuk Pinjaman Luar Tidak Lebih Daripada RM10,000,000.00 Dengan Faedah Tidak Melebihi Daripada Faedah Pasaran dan Perkara (b) Memberi Kuasa Kepada Jawatankuasa Pengurusan Untuk Melabur Tidak Lebih Daripada RM10,000,000.00 untuk diterima.

10.2 Encik Khairil Anuar bin Khalid (G009154) mencadangkan Perkara (a) dan Perkara (b) diterima dengan maksimum sebanyak RM5,000,000.00 dan disokong oleh Encik Razhari bin Ishak (G008816).

Majlis bersetuju dengan sebulat suara.

AGENDA 11:

MELANTIK SATU PANEL YANG TERDIRI TIDAK KURANG DARIPADA DUA FIRMA UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI

11.1 Encik All Johari bin Ibrahim (G008860), Bendahari Koperasi KOGUMA Berhad mencadangkan pelantikan firma audit untuk Juruaudit Luar bagi tahun 2025 diserahkan kepada ALK untuk membuat pemilihan untuk diterima.

11.2 Puan Nor Azizan binti Sulaiman (G002177) mencadangkan lantikan Juruaudit Luar diserahkan kepada ALK disokong oleh Puan Siti Zubaidah Binti Musa (K002707).

AGENDA 12:

MENGUMUMKAN KEPUTUSAN UNDI PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI KOGUMA TAHUN 2025/2028

12.1 Keputusan pemilihan bagi jawatan Anggota Lembaga Koperasi KOGUMA Berhad bagi tahun 2025/2028 diumumkan oleh Tuan Haji Rusli bin Sulaiman (G003695), Setiausaha Koperasi KOGUMA Berhad. Keputusan adalah seperti berikut:

BIL	NAMA ANGGOTA	NO. ANGGOTA
1	Tuan Haji Nor Adzmi bin Baba, <i>AMN</i>	G006460
2	Encik Shahidan bin Haji Said	G009023
3	Encik Aziz bin Hashim	K002790

AGENDA 13:

MENIMBANG DAN MELULUSKAN CADANGAN PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL (UUK) KOPERASI

13.1 Tiada cadangan pindaan Undang-Undang Kecil (UUK) Koperasi untuk ditimbang dan diluluskan.

AGENDA 14:

MEMBAHASKAN USUL-USUL (JIKA ADA)

14.1 ATURAN 28

Tuan Haji Rusli bin Sulaiman (G003695), Setiausaha Koperasi KOGUMA Berhad menjelaskan perkara berkaitan Aturan 28.

14.2 ATURAN 29

Tuan Haji Rusli bin Sulaiman (G003695), Setiausaha Koperasi KOGUMA Berhad menjelaskan perkara berkaitan Aturan 29.

Encik Abdul Halim bin Wan Ismail (K002931) mencadangkan usul diterima dan disokong oleh Encik Muhamad Fairus bin Ismail (K002932).

AGENDA 15:

UCAPAN PENANGGUHAN


15.1 Encik Khairil Anuar bin Khalid (G009154) perwakilan dari Kelantan mencadangkan supaya pemilihan anggota ke mesyuarat agung perwakilan ditetapkan mengikut kuota.

- 15.2 Encik Rusli bin Ibrahim (K002362) perwakilan dari Kedah bertanya berkaitan elaun ALK dan JKAD telah dijelaskan oleh Encik All Johari bin Ibrahim, Bendahari Koperasi KOGUMA Berhad.
- 15.3 Encik Muhamad Fairus bin Ismail (K002932) perwakilan dari Selangor mengucapkan tahniah kepada anggota perwakilan yang terpilih bagi jawatan Anggota Lembaga Koperasi KOGUMA Berhad bagi tahun 2025/2028.
- 15.4 Tuan Haji Nor Adzmi bin Baba (G006460), Pengerusi Koperasi KOGUMA Berhad mengucapkan jutaan terima kasih kepada anggota perwakilan kerana memilih beliau dan rakan-rakan sebagai Anggota Lembaga Koperasi KOGUMA Berhad bagi tahun 2025/2028

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad Kali Ke-44 bagi Tahun 2025 ditangguhkan pada pada jam 1.25 tengah hari.
Dicatat oleh,



.....
Badarul Hisham bin Shahudin, *AMW*
(No. Anggota G005002)



.....
Haji Zulkifli bin Othman
(No. Anggota G007067)

Disemak oleh



.....
Haji Rusli bin Sulaiman
(Setiausaha Koperasi)
(No. Anggota G003695)

Disahkan oleh



.....
Haji Nor Adzmi bin Baba. *AMN*
(Pengerusi Koperasi)
(No. Anggota G006460)

**CADANGAN
PEMBAYARAN DIVIDEN TAHUN 2025
KOPERASI KOGUMA BERHAD**

Dividen Syer : 0 %

Dividen Yuran : 0 %

**Perlu Mendapat Kelulusan
Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Dan
SKM
Pada 21 Mei 2017**

LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN 2025

*Laporan Tahunan
Anggota Lembaga Koperasi*

LAPORAN TAHUNAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera kepada semua anggota Koperasi KOGUMA Berhad.

Alhamdulillah, pertama dan selamanya marilah kita bersama-sama memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah dan kurnia serta keizinanNya jua maka kita masih lagi diberi kenikmatan dipanjang usia, diberikan kenikmatan kesihatan tubuh badan dan kenikmatan kelapangan masa untuk kita bersama-sama hadir dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad Ke - 45 pada 20 Jun 2026 (Sabtu) secara dalam talian (*online*)

Mesyuarat Kawasan:

Mesyuarat tersebut telah diadakan pada bulan 21 Februari 2026 (Sabtu) jam 10.00 pagi melibatkan negeri Johor, Kedah, Perlis & Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor dibuat secara dalam talian. Sementara Mesyuarat Kawasan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diadakan pada 28 Februari 2026 (Sabtu) jam 10.00 pagi secara bersemuka di Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Perwakilan baharu yang dipilih di setiap kawasan dalam Mesyuarat Kawasan berkenaan adalah merupakan wakil untuk 2 tahun ke Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Koperasi KOGUMA Berhad (**Tahun 2026 & 2027**).

Kempen Anggota Baharu:

Mesyuarat Bulanan ALK telah bersetuju supaya insentif kemasukan anggota baharu dinaikkan dari RM50.00 ke RM100.00 berkuat kuasa Jun 2025 seperti yang dipersetujui dalam Mesyuarat Bulanan ALK Bil. 11/2025 pada 27 April 2025. Pihak koperasi juga telah mencuba beberapa kaedah yang kreatif bagi menambah keanggotaan baharu bagi meneruskan kelangsungan koperasi ini sebagai sebuah koperasi yang berdaya saing dengan koperasi-koperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Portal Anggota :

Koperasi KOGUMA telah mengujudkan satu Portal Anggota KOGUMA. Anggota boleh mendaftar ke dalam portal tersebut dengan tujuan supaya anggota dapat membuat semakan sendiri berkaitan ;

- Yuran, Syer, Simpanan Khas dan Baki Pembiayaan.
- Mengemaskini maklumat peribadi.
- Link berikut - <http://portal.koguma.koop.net.my/Home/Login>

Peruntukan Bantuan Bencana – secara ‘one off’:

